



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 7 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,199 kes** (339,067 kes kumulatif, 95.7%);
- Kes baharu : **1,139 kes** (354,468 kes kumulatif);
- Kes import : **13 kes** (7 warganegara, 6 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,126 kes** [1,001 warganegara (88.9%); 125 bukan warganegara (11.1%)];
- Kes aktif : **14,097 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **194 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **86 kes**; dan
- Kes kematian : **4 kes** (1,304 kes kumulatif, 0.37%; 4 warganegara).

Pada hari ini, Sarawak melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **332 kes (29.1 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **276 kes (83.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Selangor sebanyak **294 kes (25.8 peratus)** dan Johor sebanyak **102 kes (9.0 peratus)**.

Sebanyak **27 kes (2.4 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (19 kes), Kluster Tembok Tapah (4 kes), Kluster Tembok Sri Aman (3 kes), dan Kluster Tembok Choh Dua (1 kes).

Terdapat empat (4) kes kematian pada hari ini yang melibatkan dua (2) kes di Sarawak dan masing-masing satu (1) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor. Kesemua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 7 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,431 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **10 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,077 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Loke Yew, Kluster Jalan Limau Manis, Kluster Jalan Cyber Satu, Kluster Vista Hilir, Kluster Batu Sebelas, Kluster Tembok Bendera, Kluster Pona, Kluster Jalan Maju Satu, Kluster Tapak Bina Jalan MP, dan Kluster Kampung Sungai Burung**);
- Jumlah kluster aktif : **354 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **64 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Sungai Kawi (119 kes), Kluster Jalan Padang Benggali (20 kes), dan Kluster Penjara Jalan Harapan (19 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **10 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan enam (6) kluster tempat kerja, dua (2) kluster komuniti, serta masing-masing satu (1) kluster pusat tahanan dan kluster import.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Simpang Balak	Selangor	Tempat Kerja
2	Jalan Keretapi	Selangor	Tempat Kerja
3	Sungai Kluang Empat	Pulau Pinang	Tempat Kerja
4	Jalan Padang Benggali	Pulau Pinang	Tempat Kerja
5	Jalan Bangunan Kerajaan	Sarawak	Tempat Kerja
6	Persiaran Indahpura Utama	Johor	Tempat Kerja
7	Sungai Kawi	Sarawak	Komuniti
8	Jalan Persiaran Putri	Johor	Komuniti
9	Tembok Choh Dua	Johor	Pusat Tahanan
10	Highline	Johor	Import

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

7 April 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 7 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	294	118,328
SABAH	60 (1)	55,294
JOHOR	102 (4)	41,956
WP KUALA LUMPUR	84 (7)	38,408
SARAWAK	332 (1)	18,496
NEGERI SEMBILAN	30	17,434
PULAU PINANG	93	17,011
PERAK	24	13,622
KEDAH	35	8,636
MELAKA	13	6,653
KELANTAN	38	6,620
PAHANG	23	4,454
TERENGGANU	10	3,639
WP LABUAN	1	2,399
WP PUTRAJAYA	0	1,184
PERLIS	0	334
JUMLAH KESELURUHAN	1,139 (13)	354,468

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,139 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 7 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Sarawak: 332 kes**

- 161 kes daripada kluster-kluster, termasuk 125 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Bangunan Kerajaan dan Kluster Sungai Kawi**;
- 115 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 55 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 294 kes**

- 71 kes daripada kluster-kluster, termasuk 27 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Simpang Balak dan Kluster Jalan Keretapi**;
- 168 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 55 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 102 kes**

- 47 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan**

Persiaran Putri, Kluster Persiaran Indahpura Utama, Kluster Tembok Choh Dua, dan Kluster Highline [Kluster ini melibatkan empat (4) kes import dari luar negara];

- 37 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

• **Pulau Pinang: 93 kes**

- 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk 22 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Padang Benggali dan Kluster Sungai Kluang Empat;**
- 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 36 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

• **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 84 kes**

- Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 48 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tujuh (7) kes import dari luar negara; dan
- 24 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

• **Sabah: 60 kes**

- 15 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 23 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 38 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 35 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 19 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 30 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - 13 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 24 kes**
 - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 23 kes**
 - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 13 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 10 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Satu (1) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan empat (4) kes kematian pada 7 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1301	343652	Sarawak	Lelaki (WN)	61	Hospital Sibu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, gout, jantung, dan buah pinggang kronik
1302	344854	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	75	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan kanser pundi kencing
1303	350431	Sarawak	Perempuan (WN)	87	Hospital Sibu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, <i>hypothyroidism</i> , buah pinggang kronik, tuberkulosis, dan paru-paru obstruktif kronik
1304	352459	Johor	Perempuan (WN)	76	Hospital Kota Tinggi	Penyakit darah tinggi, jantung, dan strok

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian 10 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN SIMPANG BALAK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 29 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah syarikat yang terletak di Jalan Simpang Balak, Kampung Sungai Balak, Kajang, Hulu Langat. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 90 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN KERETAPI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang dan Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 5 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Keretapi Lama, Kampung Perepat, Kapar, Klang. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 192 individu telah disaring, di mana **81 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. **KLUSTER SUNGAI KLUANG EMPAT**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 18 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Hilir Sungai Kluang 4, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Barat Daya. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 444 individu telah disaring, di mana **33 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. **KLUSTER JALAN PADANG BENGALI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Utara di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Padang Bengali, Teluk Air Tawar, Butterworth, Seberang Perai Utara. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 127 individu telah disaring, di mana **42 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. **KLUSTER JALAN BANGUNAN KERAJAAN**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Beluru dan Miri di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-342623)

dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Jalan Bangunan Kerajaan, Beluru. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 171 individu telah disaring, di mana **37 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. **KLUSTER PERSIARAN INDAH PURA UTAMA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai, Johor Bahru, dan Batu Pahat di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-345968) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Persiaran Indahpura Utama, Kulai. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 36 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. **KLUSTER SUNGAI KAWI**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Meradong dan Sibul di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-344992) dilaporkan positif COVID-19 pada 31 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Sungai Kawi,

Meradong. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 224 individu telah disaring, di mana **127 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN PERSIARAN PUTRI

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kulai, Kota Tinggi, Muar, dan Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-352469) dilaporkan positif COVID-19 pada 6 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis sosial yang telah berlangsung pada 28 Mac 2021. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Jalan Persiaran Sri Putri, Taman Putri Kulai, Kulai. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 50 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER TEMBOK CHOH DUA

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-345986) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 April 2021 hasil saringan sebelum masuk wad. Nama kluster merujuk kepada lokaliti pusat tahanan yang terletak di Jalan Ulu Choh-Pontian, Johor Bahru. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 155 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER HIGHLINE

Kluster import ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-351406) dilaporkan positif COVID-19 pada 5 April 2021 hasil saringan *sign off*. Kluster ini melibatkan krew-krew sebuah kapal yang berlabuh di Perairan Pengerang, Kota Tinggi. Sehingga 7 April 2021, sejumlah 14 individu telah disaring, di mana **lima (5) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.